



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 25 OGOS 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	FAMA LOOKING INTO EXPORTING FROZEN TAMBUN POMELO PULP, STAR METRO, THE STAR-3	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
2.	THE DURIAN "STAMPS ITS MARK AS THE FRUIT OF THE PANDEMIC IN MALAYSIA, ONLINE-THE STAR	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
3.	NS FORESTRY DEPT BUILDING FISH CONVERSATION CENTRE, LOCAL NEWS, NST-18	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4.	LPP SALUR BAKUL MAKANAN BARISAN HADAPAN, DALAM NEGERI, UM-34	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
5.	HARGA TERTINGGI TELUR AYAM BULAN INI, NEGARA, KOSMO-14	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
6.	HARGA TELUR, AYAM, KAMBING CAPAI PARAS TERTINGGI, NASIONAL- SH-11	
7.	HARGA TELUR, AYAM NAIK, NASIONAL, BH-18	
8.	SAWAH TURUT TERJEJAS, LOKAL, HM-19	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
9.	KELAPA RAJA BUAH YANG SEBENAR, NASIONAL, SH-17	LAIN-LAIN
10.	PANDANGAN SURAM BAGI PETANI, ONLINE-BERITA KINI.BIZ	
11.	PEMBEKAL KELAPA RUNSING PERMINTAAN SEMAKIN MEROSOT, NEGARA, KOSMO-14	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



25 AUG, 2021

Fama looking into exporting frozen Tambun pomelo pulp

The Star, Malaysia

Page 1 of 2

PERAK

Fama looking into exporting frozen Tambun pomelo pulp

By **IVAN LOH**
ivanloh@thestar.com.my

FROZEN Tambun pomelo pulp may one day be exported to China, if the Perak Federal Agricultural Marketing Authority's (Fama) plan works.

Perak Fama director Noorsham Ramly said he had suggested to pomelo growers to experiment freezing the fruit to see if it was feasible.

"If we can freeze the pomelo pulp, it would be easier to bring the fruit to other countries, similar to frozen durian.

"If we can replicate it, I believe it can be successful," he told *StarMetro*.

"As we know, the market in the country is already quite saturated.

"We hope we can help play a role to open the doors for growers to find a bigger market.

"Pomelo has potential to be exported as it has a long shelf life and can last about three weeks," he added.

Noorsham, however, said it would not be an easy task to export to China because of its strict import protocol.

"It took quite some time before we were able to get approval from China to send in frozen durian.

"We will have to take baby steps now and work towards breaking into the Chinese market," he said.

He added that promotional programmes to market fruits like pineapple, durian and pomelo to Hong Kong were held before the Covid-



Noorsham says the distinct taste and texture of Tambun pomelo cannot be replicated.

19 pandemic struck.

Malaysia signed an export protocol with China for frozen whole durian in 2018, but the clearance for import was only approved in 2019.

China had imposed strict guidelines and standards on imported fruits.

Noorsham said Fama planned to promote the pomelo at two upcoming global expos in Dubai, United Arab Emirates.

"There is the International Perishables Expo, which will be held at the Dubai World Trade Centre in November.

"The other one is the World Expo

in February next year," he said, adding that pomelo would be part of the marketing products.

Noorsham said the Tambun pomelo was unique and no other place could recreate it.

Some states, he said, tried to grow it but its distinct taste and texture could not be replicated.

"I believe it has something to do with the limestone," he said.

He also said the pomelo industry in Tambun was a "well-oiled machine" that had been running for many years before it was hit hard by the pandemic.

"To help the growers, we will take about two tonnes of the fruit every week to be distributed to Fama branches in other states to be marketed.

"The fruits are sent to the local traders in the respective states to be sold," he said.

He added that the initiative, which started earlier this month, would go on for eight weeks.

Noorsham said the industry was expected to recover once the movement restrictions were lifted.

Pomelo grower Tan Swee Kong believes that the idea of frozen pomelo is workable.

"I have tried to freeze it and the taste did not change.

"There should be no problem if we have cold room containers," he said.

"Pomelo is already well-known in Hong Kong.

"I also used to have Japanese tourists coming to my orchard and they are quite fond of it," he added.



Tan checking on the pomelos that he had harvested.



25 AUG, 2021

Fama looking into exporting frozen Tambun pomelo pulp

[The Star, Malaysia](#)

Page 2 of 2

SUMMARIES

Ivanloh@thestar.com.my FROZEN Tambun pomelo pulp may one day be exported to China, if the Perak Federal Agricultural Marketing Authority's (Fama) plan works. Perak Fama director Noorsham Ramly said he had suggested to pomelo growers to experiment freezing the fruit to see if it was feasible. "If we can freeze the pomelo pulp, it would be easier to bring the fruit to other countries, similar to frozen durian.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25.08.2021	THE STAR	ONLINE	-

THE DURIAN 'STAMPS' ITS MARK AS THE FRUIT OF THE PANDEMIC IN MALAYSIA

The durian boom has been one of the stories of the pandemic. On every street corner across the nation, you're bound to see a durian vendor or a farm truck selling Malaysia's King of Fruits.

For a lockdown treat, the Durian Raja Kunyit, also known as the Musang King, has been a constant favourite. Then you can add the highly-prized Duri Hitam and the lipstick tease of Durian Dalit, Sabah's red-fleshed fruit, to the list.

To join the durian party, Pos Malaysia in collaboration with Jabatan Pertanian Malaysia (Ministry of Agriculture and Food Industries) have released the "King Of Fruits In Malaysia - Durian Folder Set", featuring five different species of the thorny fruit.

This new collection by Pos Malaysia features a set of five stamps, a miniature sheet, First Day Covers and a folder.

The series includes Selangor's Buluh Bawah durian, also known as the Musang Queen, Penang's Duri Hitam durian, touted as one of the most expensive durians, Durian Kampung Premium, Sabah's red-fleshed Durian Dalit and Kelantan's the Musang King.

Arguably one of the most polarising delicacies in the world, the *Durio zibethinus* Murr – the botanical name of the Malaysian durian - reigns supreme as the country's top fruit with 377,251 metric tonnes produced in 2019, according to the Agriculture Department. The 2019 figures also show that durian is planted on a total of 70,286ha of land – this is almost equal to the size of Singapore, which is 72,830ha in terms of land area.

Unsurprisingly, even the pandemic could not stop the durian's popularity. If you preferred to stay home, you could still get a decent selection of durian online, with everything packed and ready to be sent to your doorstep.

The next time you're getting your durian fix online, complete the experience with Pos Malaysia's Durian Set Folder.



24 AUG, 2021

NS Forestry Dept building fish conservation centre

New Straits Times, Malaysia

Page 1 of 2

NS Forestry Dept building fish conservation centre

SEREMBAN: The state Forestry Department hopes to complete a fish conservation centre and hatchery in Sungai Kenaboi, Jelebu, by early next year. Its director, Saleh Awaludin, said the RM120,000 project aimed to conserve fish diversity and protect rare species, like *kelah*. He said discussions with various parties such as the state Fisheries Department were in progress. "The objective is to enrich our rivers with local fish species and we are selecting Sungai Kenaboi as its water is clean and unpolluted. The location is also rich in biodiversity and there used lots of *kelah* in Sungai Kenaboi but now they are now difficult to find due human activities, such as illegal fishing." He said the sanctuary was modelled on the Sungai Chiling Fish Sanctuary in Kuala Kubu Baru, Selangor and the Royal Belum Park in Perak. **Bername**



24 AUG, 2021

NS Forestry Dept building fish conservation centre

[New Straits Times, Malaysia](#)

Page 2 of 2

SUMMARIES

SEREMBAN: The state Forestry Department hopes to complete a fish conservation centre and hatchery in Sungai Kenaboi, Jelebu, by early next year. Its director, Saleh Awaludin, said the RM120,000 project aimed to conserve fish diversity and protect rare species, like k el a h . He said discussions with various parties such as the state Fisheries Department we re in progress.

24 AUG, 2021

LPP salur bakul makanan barisan hadapan

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2

LPP salur bakul makanan barisan hadapan

LEMBAGA Pertubuhan Peladang (LPP) menyalurkan sebanyak 170 bakul makanan kepada petugas barisan hadapan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Institut Pengurusan Peladang (IPP) Tanjung Karang, Selangor, semalam.

Sumbangan bakul makanan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)

Prihatin itu berupa barangan keperluan asas seperti ayam, beras, telur dan tepung.

Pengagihan kepada anggota keselamatan dan petugas kesihatan itu disempurnakan Ketua Pengarah LPP, Datuk Azulita Salim yang melakukan lawatan kerja di PPV berkenaan.

Menurutnya, lawatan itu bertujuan meninjau pelaksanaan

Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) di IPP berkenaan yang dijadualkan tamat beroperasi pada Ahad ini.

■ **AZULITA** Salim (tengah) menyerahkan bakul makanan kepada petugas barisan hadapan di PPV IPP Tanjung Karang, Selangor, semalam. - UTUSAN/ISKANDAR SHAH MOHAMED





24 AUG, 2021

LPP salur bakul makanan barisan hadapan

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

LEMBAGA Pertubuhan Peladang (LPP) menyalurkan sebanyak 170 bakul makanan kepada petugas barisan hadapan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Institut Pengurusan Peladang (IPP) Tanjong Karang, Selangor, semalam. Sumbangan bakul makanan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)

Prihatin itu berupa barangan keperluan asas seperti ayam, beras, telur dan tepung. Pengagihan kepada anggota keselamatan dan petugas kesihatan itu disempurnakan Ketua Pengarah LPP, Datuk Azulita Salim yang melakukan lawatan kerja di PPV berkenaan. Menurutnya,

Berlaku turun naik harga bagi daging kambing, lembu, ayam pada Ogos

Harga tertinggi telur ayam bulan ini

Oleh AMIRI AHMAD

PUTRAJAYA - Harga runcit sebiji telur ayam di seluruh negara untuk bulan ini merekodkan paras paling tinggi sepanjang tahun ini, menurut data Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).

Menerusi kenyataan jabatan itu, sebiji telur gred A dijual pada harga 44 sen, manakala gred B pula ialah 41 sen dan gred C cuma 39 sen.

Harga berkenaan lebih tinggi berbanding rekod pada Julai lalu iaitu masing-masing hanya 42 sen, 39 sen dan 36 sen, manakala pada Jun lalu masing-masing 40 sen, 36 sen dan 32 sen.

Rekod harga paling rendah bagi telur gred A, pada tahun ini dicatatkan pada Mei lalu iaitu 36 sen, gred B pula sebanyak 33 sen dari Mac hingga Mei dan gred C ialah 29 sen pada April.

Sementara itu, pada tahun lalu, harga sebiji telur ayam gred A yang paling murah pernah dicatatkan pada minggu kedua Mac lalu 28 sen, manakala paras paling mahal pada minggu kedua

sepanjang tahun ini yang tidak lagi menggunakan format lama iaitu pedaging dan kacukan, sebaliknya, harganya dibahagikan kepada jenis ayam hidup, kampung, proses standard dan super dengan sekilogram masing-masing RM6.95, RM14.90, RM8.45 dan RM9.60.

"Ayam hidup pernah merekodkan paras tertinggi RM7.05 sekilogram pada Mei lalu, manakala tiga lagi jenis lain mencatatkan harga berbanding tujuh bulan lalu sejak Januari," katanya.

Bagi harga runcit lembu pada bulan ini pula menunjukkan lonjakan kepada RM24.10 sekilogram bagi daging cincang, paras tertinggi sejak Mac lalu yang merekodkan RM24.20.

Namun, daging lembu pejal pada bulan ini merosot kepada RM36.30 berbanding bulan lalu RM37.45, iaitu tertinggi tahun ini kerana permintaan naik untuk sembelihan korban Aidiladha, begitu juga harga bebiri import pada bulan ini jatuh kepada RM30.10 sekilogram berbanding bulan sebelumnya RM31.35.



HARGA telur ayam dicatatkan naik pada bulan Ogos berbanding bulan lalu. - GAMBAR HIASAN

Jun iaitu 41 sen.

Dalam perkembangan sama, DVS turut melaporkan kenaikan harga runcit daging kambing bulan ini iaitu RM49.60 sekilogram, paras tertinggi untuk tahun ini

dan telah bertambah lima sen berbanding pada bulan lalu.

"Paras terendah direkodkan ialah RM44.05 pada Januari lepas, namun pengiraan kali ini juga berbeza daripada tahun lalu

berdasarkan harga daripada ladang idlot," katanya.

Dalam pada itu, DVS turut memaklumkan harga runcit ayam bulan ini juga paling tinggi untuk

Harga telur, ayam, kambing capai paras tertinggi

PUTRAJAYA - Data Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang diambil daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mendedahkan harga telur ayam mecapai paras tertinggi bagi Ogos ini.

Berdasarkan tarikh kutipan harga pada 21 Ogos, harga telur ayam gred A meningkat dua sen iaitu 44 sen berbanding 42 sen sebilangan pada Julai.

Harga telur ayam gred B juga meningkatkan dua sen kepada 41 sen manakala gred C meningkat tiga sen iaitu 39 sen.

Harga telur ayam terendah bagi tahun ini direkodkan pada Mei iaitu 36 sen (gred A), 33 sen (gred B) dan

33 sen (gred C).

Data sama mendedahkan, ayam proses standard, ayam proses super, ayam tua, ayam kampung dan ayam hidup turut mengalami peningkatan harga sehingga 90 sen sekilogram.

Ayam proses standard dicatatkan pada harga RM8.45, ayam proses super RM9.60 iaitu masing-masing meningkat 15 sen berbanding bulan sebelumnya.

Harga ayam tua meningkat 20 sen daripada RM8.40 kepada RM8.60 pada Ogos.

Ayam kampung merekodkan peningkatan harga tertinggi tahun ini iaitu sebanyak 90 sen daripada RM14 pada Julai dan RM14.90 pada Ogos.


Bagi ayam hidup, harga runcit turut meningkat 10 sen kepada RM6.95.

Dalam laporan itu juga, harga daging-kambing bagi setiap kilogram turut meningkat kepada paras tertinggi iaitu RM49.60.

Harga terendah bagi daging kambing direkodkan pada Januari lalu adalah RM44.05.

Turut mengalami peningkatan, harga daging lembu cincang naik sebanyak RM3.10 iaitu RM24.10 berbanding Julai RM21.

Bagaimanapun, harga runcit daging lembu pejal merekodkan penurunan RM1.15 sen daripada RM37.45 kepada RM36.30.



Harga runcit telur ayam ketika tirjuanan di sebuah pasar raya di Selayang, (Foto Asyraf Hamzah/BH)

Harga telur, ayam naik

Putrajaya: Harga runcit telur ayam bagi setiap gred, ayam proses super serta ayam tua di seluruh negara mencatatkan paras tertinggi pada bulan ini.

Berdasarkan data dikeluarkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (PVS), harga bagi sebiji telur ayam gred A berharga 44 sen, manakala Gred B dijual 41 sen serta Gred C ialah 39 sen.

Berbanding sebelumnya, harga runcit telur ayam pelbagai gred hanyalah sekitar 29 sen sehingga 40 sen untuk sebiji.

Harga paling rendah bagi telur ayam Gred A dilaporkan pada Mei lalu, iaitu pada paras 36 sen sebiji, diikuti telur Gred B yang paras terendah ialah pada Mac hingga Mei lalu dengan harga 33 sen dan Gred C pada April lalu pada harga 29 sen.

Harga ayam dan telur ayam dikemas kini pada 21 hari bulan setiap bulan dan sehingga Ogos, ia mencatatkan paras tertinggi berbanding bulan sebelumnya.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sebelum menjelaskan kenaikan harga barang tersebut tidak dapat dielakkan kerana banyak ladang ternakan ayam ditutup berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Kedadaan itu menyebabkan penawaran berkurangan, manakala permintaan terhadap bahan berkenaan meningkat.

Kenaikan itu juga sebelum disebabkan harga makanan ternakan yang diimport meningkat, sekali gus mendorong pengeluar terpaksa meningkatkan harga jualannya.

Sementara itu, bagi harga runcit ayam, harga tertinggi jualan membabitkan ayam kampung, ayam proses standard, ayam proses super dan ayam tua.

Bagi ayam kampung, harga ditetapkan pada bulan ini ialah RM14.90 sekilogram (kg), iaitu peningkatan 90 sen berbanding bulan sebelumnya, manakala

harga terendah bagi ayam kampung pula pada Jun hingga Februari lalu dengan dijual RM13.80 setiap kilogram.

Harga ayam proses super turut meningkat, iaitu RM9.60 sen setiap kilogram pada bulan ini, naik 15 sen berbanding bulan sebelumnya. Harga terendah yang pernah dilaporkan bagi ayam jenis ini ialah pada Mei lalu iaitu RM8.65.

Harga ayam tua turut meningkat menjadi RM8.60 pada harga runcit bagi setiap kilogram, naik 20 sen berbanding bulan sebelumnya.

Peningkatan ketara turut dilihat pada harga daging lembu jenis cincang, iaitu RM24.10 bagi setiap kilogram berbanding RM21 pada bulan sebelumnya.

Namun, harga bagi daging lembu jenis pejal pula menurun menjadi RM36.30 sekilogram pada bulan ini berbanding sebelumnya dijual pada harga sekitar RM37.45.

Sawah turut terjejas

Peruntukan tambahan diperlukan untuk bantu petani di Yan

Alor Setar

Kerajaan negeri Kedah memohon supaya Kerajaan Persekutuan mempertimbangkan peruntukan tambahan khususnya untuk golongan petani di Yan yang sawah mereka terjejas akibat banjir lumpur, 18 Ogos lalu.

Menteri Besar Muhammad Sanusi Md Nor berkata, ia penting memandangkan daerah Yan adalah kawasan pengeluaran padi yang tinggi dalam kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada).

"Kesudian YAB (Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob) menimbang peruntukan untuk golongan petani ini amat dialu-alukan

kerajaan negeri," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, kerajaan negeri juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Perdana Menteri yang meluluskan peruntukan segera RM75 juta bagi membaik pulih kerosakan infrastruktur di Yan dan Merbok, disebabkan bencana banjir lumpur itu.

"Kesudian Perdana Menteri melakukan lawatan rasmi yang pertama ke negeri ini untuk melihat sendiri kesan tragedi serta memberi nasihat kepada mangsa yang terjejas, khususnya keluarga yang kehilangan insan tersayang juga meredakan sedikit kesedihan.

"Ini membuktikan sikap prihatin dan ambil berat be-



MUHAMMAD SAMUSI

liau selaku pemimpin tertinggi kerajaan terhadap nasib rakyat untuk meneruskan kehidupan dalam situasi yang mencabar sekarang," katanya.

Katanya, kerajaan negeri juga berterima kasih kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang akan me-

nyalurkan peruntukan bagi membaik pulih rumah penduduk terjejas berjumlah RM3 juta.

Kelmarin, Perdana Menteri semasa lawatan rasminya ke daerah Yan dan Kuala Muda mengumumkan bantuan segera RM75 juta bagi membantu kerajaan negeri memperbaiki segala kemudahan awam dan infrastruktur di Yan dan Merbok yang rosak akibat tragedi kepala air dari Gunung Jerai.

Dalam lawatannya itu, Ismail Sabri turut meluangkan masa meninjau kawasan yang terjejas teruk di sekitar Titi Hayun di Yan.

Tragedi berkenaan meragut enam nyawa serta menjejaskan lebih 1,000 rumah penduduk di dua daerah berkenaan. - Bernama

Headline	Kelapa 'raja buah' yang sebenar		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	25 Aug 2021	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	17	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	825 cm ²
Journalist	DR BUDIMAN MOHD ZOHDHI	AdValue	RM 17,490
Frequency	Daily	PR Value	RM 52,470

Kelapa 'raja buah' yang sebenar



DUNIA BAHARU
DR BUDIMAN MOHD ZOHDHI

Kalau diberikan sedikit kuasa, saya pasti akan menabalkan buah kelapa sebagai 'raja buah' walaupun ia akan menyebabkan peminat musang king, duri hitam, mon thong, kucing tidur dan sebagainya marah-marah.

Tindakan saya berasas kerana buah kelapa merupakan buah yang paling banyak kegunaannya di atas muka bumi ini.

Bukan setakat buah, malah segala yang ada pada kelapa, daripada pokok sehingga daunnya, daripada akar sehingga ke pelepahnya, tiada satu pun yang tidak berguna melainkan semuanya berguna belaka.

Daun kelapa boleh dianyam untuk dibuat sarung ketupat, daun durian? Pernahkah anda melihat penyapu ranting durian dijual di mana-mana, sedangkan penyapu lidi kelapa kekal tersohor sejak zaman purba sehingga sekarang.

Lidi kelapa juga digunakan untuk mencucuk sate. Cubalah cucuk sate dengan ranting durian, agak-agak beranakah orang hendak makan?

Itu baru bercerita tentang daun dan lidi. Belum lagi bahagian-bahagian pokok kelapa yang lain. Umbut kelapa sedap jika dimasak atau dijadikan kerabu. Batangnya cukup sesuai dijadikan titi dan tiang, manakala pelepahnya pula dijadikan kayu api. Daripada kelapa boleh diperolehi mira yang bukan sahaja sedap diminum begitu sahaja tetapi juga dijadikan todi dan samsu yang boleh menyebabkan peminumnya mabuk tunggang-langgang.

Di utara Semenanjung, kelapa juga disebut nyiur dan di sebelah sana, Kedah terutamanya ada biskut dinamakan 'biskut akar nyiur'. Jangan tersilap, ia bukan dibuat daripada akar pokok kelapa. Bentuknya sahaja seperti itu, sedangkan ia sebetulnya dihasilkan daripada tepung, teksturnya sedikit keras dan bersalut gula.

Buah kelapa itu sendiri sangat banyak kegunaannya. Ketika muda, airnya dijadikan minuman. Cukup mengasyikkan jika dicampurkan dengan isinya yang lembut itu.

Fungsi air kelapa bukan sekadar sebagai penghilang dahaga atau penyejatan badan tetapi juga dipercayai boleh bertindak sebagai penawar racun. Orang demam pun khabarnya kalau diberi minum air kelapa, akan cepat sembuh.

Isi kelapa boleh diparut dan dibuat inti. Selain itu ia diperah, dijadikan santan yang gunanya untuk urusan memasak. Bayangkanlah nasi lemak



Bukan setakat buah, malah segala yang ada pada kelapa, daripada pokok sehingga daunnya, daripada akar sehingga ke pelepahnya, tiada satu pun yang tidak berguna melainkan semuanya berguna belaka.

tanpa santan atau gulai tanpa santan, sudah tentu sedapnya berkurang, nikmatnya pun hilang. Bayangkan jika kita disajikan ketupat pulut tanpa santan atau lemak tanpa santan, mungkin secara automatik hati kecil kita akan berkata, lagi baik genggam beras pulut mentah, kemudian baling masuk ke dalam mulut.

Khasiat

Daripada santan kelapa boleh dibuat minyak. Terserah pada kemahuan anda hendak menjadikannya minyak apa—minyak masak, minyak urut, malah minyak pengasih! Kalau minyak kelapa yang belum tercemar 'kedaraannya' pula, khasiatnya cukup banyak. Ada sebotol sahaja di poket sudah boleh diumpamakan seperti membawa farmasi kecil ke mana sahaja anda pergi.

Apa gunanya kulit durian? Setakat untuk dijadikan baja setelah reput atau sekadar untuk menguji deria bau kita masih elok ataupun tidak. Pangsa-pangsa durian pun begitu. Tiada nilainya walaupun pangsa itu datangnya daripada durian yang harganya sekilo RM80.

Lain halnya dengan kulit kelapa. Sabutnya sering dijadikan bahan api dan juga penghalau nyamuk yang sangat berkesan. Pada masa dahulu orang longgokkan banyak-banyak di bawah rumah atau di bawah pondok, bakar dan biarkan apinya membara, bukan menyala. Kepulan asapnya akan menakutkan nyamuk dan suku-sakatnya. Agaknya nyamuk-nyamuk itu pedih mata bila terkena asap tersebut.

Sabut kelapa juga cukup sesuai dijadikan alat penggosok. Gosok peruk, gosok kuali dan tak terkecuali gosok badan. Selain itu ia sering dipintal dan dijadikan tali yang kuat serta tahan lasak.

Bahagian lain pada buah kelapa yang sangat banyak kegunaannya ialah tempurung. Ia boleh dibuat tabung duit, di-

jadikan geluk untuk mengisi minuman, gayung untuk mencedok air dan alat untuk ditadah ketika meminta sedekah!

Dan jangan lupa, tidak lama dahulu, ada orang mencari kapal terbang hilang dengan menggoncang-goncang buah kelapa!

Demikianlah. Sumbangan buah yang dikatakan berasal dari pulau-pulau di Asia Tenggara ini sebelum dibawa ke merata penjuru dunia pada zaman Neolitik, terlalu besar terhadap kehidupan.

Selain daripada segala apa yang disebutkan di atas, kelapa turut menyumbang dalam industri pembuatan sabun dan kosmetik, pembuatan bahan-bahan binaan dan bahan kraftangan serta perhiasan.

Sumbangan

Disebabkan besarnya sumbangan itu, kelapa mempunyai hubungan yang sangat akrab dengan manusia. Dalam setengah kebudayaan ia dianggap suci atau setidak-tidaknya mempunyai kelasnya tersendiri. Akar budaya penduduk di pulau-pulau di Pasifik Barat misalnya sarat dengan mitologi, lagu-lagu dan cerita-cerita rakyat yang mempunyai kaitan dengan kelapa.

Dalam ritual agama penganut-penganut Hindu, kelapa mempunyai peranan yang signifikan. Jadikan sahaja sambutan Thaipusam sebagai contoh, di mana berjuta-juta biji buah kelapa dipecahkan saban tahun.

Di Vietnam pada tahun 1963, Nguyễn Thàn Nam (1909-1990), seorang pendidik lepasan sebuah universiti di Perancis telah mengasaskan 'Agama Kelapa', satu kepercayaan yang sebenarnya berasaskan penghargaan luar biasa terhadap kelapa dan sumbangannya terhadap kehidupan. Agama ini berpusat di Wilayah Bén Tre di selatan Vietnam. Pengikut-pengikutnya juga membina

'Negeri Kelapa' di sebuah pulau kecil di Sungai Mekong.

Pada era kemuncaknya agama ini mempunyai kira-kira 4,000 penganut, yang amalan mereka banyak dipengaruhi oleh kepercayaan Buddha dan Kristian. Apabila komunis menguasai Vietnam pada tahun 1975, 'Agama Kelapa' diharamkan. Walaupun begitu ia masih dipraktikkan secara sembunyi-sembunyi sehinggalah pengasasnya terbunuh dalam satu pergaduhan dengan pihak berkuasa pada tahun 1990. Kini agama itu masih mempunyai pengikut tetapi jumlahnya sangat kecil.

Kita di Malaysia turut bernasib baik kerana negara ini mempunyai muka bumi yang sesuai dengan penanaman kelapa. Saya tidak sempat menghitungnya tetapi anggaran kasar menunjukkan terdapat berjuta-juta pokok kelapa dari Perlis hinggalah ke Sabah. Booklet Statistik Tanaman, Jabatan Pertanian Malaysia menunjukkan keluasan kawasan tanaman kelapa di Malaysia adalah 81,585 hektar pada tahun 2018.

Perlu disebut bahawa pokok kelapa juga telah mengalami evolusinya. Pada masa dahulu orang cuma biasa sebut kelapa biasa dan kelapa gading. Sekarang ini terdapat pelbagai jenis kelapa baka baharu, antaranya kelapa pandan, kelapa mawa, kelapa tacunan, kelapa marren dan macam-macam lagi. Pokok kelapa pun telah berubah bentuk.

Jika dahulu semuanya tinggi-tinggi, sekarang banyak yang rendah-rendah. Tetapi ia bukanlah berita baik bagi beruk kerana kebanyakan binatang itu telah hilang kerja. Tidak ramai lagi orang yang menggunakan khidmatnya untuk memetik buah kelapa.

Saya tutup artikel ini dengan sekali lagi berkata, jika diberi sedikit kuasa, saya akan mengisytiharkan kelapa sebagai 'raja buah' dan saya akan minta kerjasama Mardi menghasilkan kelapa yang berperisa durian. #dush!

* Datuk Dr Budiman Mohd Zohdi ialah ahli politik dan penulis buku yang gemar bernostalgia

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25.08.2021	BERITAKINI.BIZ	ONLINE	-

PANDANGAN SURAM BAGI PETANI PADI

Selama lebih dari 50 tahun, petani padi di Bota, Perak Tengah, telah menghadapi banyak cabaran dalam pengeluaran padi. Kenaikan mendadak dalam harga benih padi dan racun perosak, dan masalah berterusan dengan sistem pengairan, adalah antara faktor yang mempengaruhi kehidupan mereka.

Salah seorang petani yang ditemui oleh StarMetro adalah seorang berusia 41 tahun yang hanya ingin dikenali sebagai Gandhi. Dia mengatakan bahawa dia kini membelanjakan sekurang-kurangnya RM9,000 untuk biji padi sahaja. "Benih itu biasa dikendalikan oleh syarikat swasta dan harganya lebih murah, tetapi setelah diserahkan kepada Pertubuhan Peladang Nasional, harganya meningkat.

"Dari RM30 sekilogram sekarang kita harus membayar RM35, dan saya biasanya membeli dua tan," katanya. "Kami menyuarakan kekecewaan kami tetapi tidak ada perubahan dan kami tidak lagi memperoleh keuntungan tetapi hanya bertahan dengan apa yang kami peroleh." Gandhi telah bekerja keras di ladang padi seluas 6.87 hektar yang diwarisi dari bapanya selama 20 tahun.

"Penanaman dan penuaian padi memakan waktu lima hingga enam bulan. Kos tambahan yang harus saya bayar mempengaruhi kehidupan saya," katanya, sambil menambah bahawa dia juga menghabiskan sekitar RM2,800 untuk racun perosak. Seorang petani padi lain, yang hanya memberikan namanya sebagai Ahmad, juga mengadu kenaikan harga.

Lelaki berusia 50 tahun itu mengatakan harga racun perosak telah meningkat sejak beberapa tahun kebelakangan ini. "Racun perosak biasanya berharga sekitar RM45 tetapi telah meningkat menjadi RM135. "Kami menangani sekurang-kurangnya 10 jenis perosak termasuk penggerek batang padi, ulat dan belalang daun, jadi kami harus mengeluarkan banyak belanja."

Ahmad juga mengatakan bahawa dia telah mengeluarkan RM1,800 untuk membeli pam air untuk ladang padi seluas 2.48 hektarnya. "Sumber air kami terutama berasal dari Sungai Perak tetapi sistem pengairan lama yang menyalurkan air sungai ke ladang kami bermasalah.

"Kadang-kadang air tidak mengalir dengan baik dan pada beberapa hari, kita hampir tidak mendapat air sama sekali. "Saya telah menggunakan pam air saya tetapi tidak bertahan lama. Saya tidak mampu membeli pam air berkualiti tinggi. "Walaupun padi sekarang berharga RM1.200 per tan, kos tambahan adalah kemunduran bagi kita," katanya.

Seorang pegawai dari Jabatan Saliran dan Pengairan negeri (JPS) biasa mengunjungi mereka. "Mereka selalu memeriksa kami, terutama pada musim kemarau, untuk memastikan bekalan air mencukupi. "Tetapi, tambahnya, sudah lama sejak mereka bertemu dengan mana-mana wakil dari jabatan itu.

Masalah Pengairan

Bekas pengarah lembaga Persatuan Petani Bota / Lambor Yusairi Alias mengatakan sistem pengairan adalah salah satu masalah paling mencabar bagi petani padi. "Tempat tidur sistem pengairan terdiri daripada kotoran dan tanah.

"Ketika air dipompa dari Sungai Perak, kemungkinan air akan meresap ke tanah, sehingga menyebabkan bekalan air rendah. "Terdapat juga dua pam air yang terpisah yang digunakan oleh sekitar 100 petani padi tetapi ini tidak berkesan," katanya.

Yusairi, yang merupakan ADUN Bota dari tahun 2000 dan 2004, mengatakan ada cadangan untuk memodenkan sistem pengairan. "Ideanya diajukan ketika Datuk Seri Najib Razak adalah perdana menteri tetapi tidak ada yang terwujud," katanya, sambil menambah bahawa keadaan Sungai Perak juga perlu diperiksa dari semasa ke semasa.

"Sudah ada operasi penambangan pasir di sepanjang sungai selama lima hingga enam tahun terakhir. "Kegiatan perlombongan, dan kekeringan telah mempengaruhi paras air dan kualitasnya," katanya. Yusairi berpendapat bahawa keutamaan harus diberikan kepada peningkatan sistem pengairan. "Saya diberitahu bahawa petani padi di Langkap, dekat Teluk Intan, dapat menghasilkan padi bermutu tinggi kerana mereka memiliki sistem pengairan moden," katanya.

Memulihkan semula sungai Bersama dengan Yusairi, Presiden Persatuan Aktivis Sahabat Alam (Kuasa) Hafizudin Nasarudin berkata Sungai Perak tidak berada dalam keadaan baik. Organisasi bukan kerajaan alam sekitar mendapati bahawa sungai telah melebar dari sekitar 50m menjadi antara 80 dan 200m kerana hakisan di tebing sungai.

"Apabila ini terjadi, air menjadi keruh ketika tanah jatuh ke sungai. "Ini akan mempengaruhi pam air kerana pasir dan tanah dapat tersekat. Ini juga boleh menjadi alasan mengapa beberapa petani padi mengeluh tentang kekurangan air ke ladang mereka. "

Hafizudin berkata, amalan pertanian yang dipersoalkan di sepanjang sungai menjadi perhatian lain. "Dari pengamatan kami, pokok kelapa sawit dapat dilihat di kawasan cadangan sungai. "Harus ada zona penyangga 10 hingga 50 meter dari sungai," katanya, sambil menambahkan bahawa air dari sungai juga mengalir ke sebuah kilang pengolahan air di Teluk Kepayang.

"Kami bahkan pernah melihat pokok kelapa sawit di tengah Sungai Perak," tambahnya. Hafizudin berkata, kerajaan negeri harus mengadakan pertemuan dengan semua pihak yang berkepentingan, termasuk NGO dan petani.

"Kita harus menghentikan kegiatan di sepanjang Sungai Perak dan melindungi kawasan tadahan air di hutan simpan Piah dan Temenggor. "Mereka perlu menghentikan pembangunan besar-besaran di Gerik, Lenggong dan Kuala Kangsar kerana ini boleh mempengaruhi sungai," tambahnya.

Gangguan dalam rantai bekalan

Ketika dihubungi, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perlindungan dan Industri Makanan Perak, Razman Zakaria, berkata kenaikan harga racun perosak disebabkan oleh beberapa sebab. "Menurut Lembaga Pertubuhan Peladang Perak, terdapat kenaikan antara 30% dan 50% untuk kedua-dua racun perosak dan baja kerana perintah kawalan pergerakan di negeri-negeri yang menghasilkan produk ini.

“Walaupun permintaan meningkat, banyak kilang tidak dapat menghasilkan bekalan yang mencukupi kerana mereka harus mengurangkan hingga 50% tenaga kerja mereka,” jelasnya. Mengenai kenaikan harga biji padi, Razman mengatakan petani mempunyai pilihan untuk membeli benih dari agen yang dilantik atau pengedar lain.

“Sejak 12 Julai, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menetapkan harga pada RM35 per kg. “Namun, kementerian tidak menetapkan harga tetap untuk ejen. “Berdasarkan maklumat yang kami terima, ada harga yang ditawarkan antara RM33 hingga RM35 setiap beg,” katanya. Kira-kira 4,500 beg biji padi yang meliputi hampir 1,947 hektar ladang padi di daerah itu telah terjual.

Razman juga mengatakan bahawa perbincangan antara semua agensi yang berkaitan akan diadakan mengenai sistem pengairan. “Masalah ini telah dibahas dengan Departemen Pertanian negeri. Sekiranya perlu, kami akan turun padang untuk meninjau para petani untuk memahami masalah mereka lebih jauh,” tambahnya.

Pembekal kelapa runsing permintaannya makin merosot

PONTIAN – Penutupan operasi kedai makan, ketiadaan pengedaran majlis sosial serta kanun sekolah telah memberikan kesan kepada pembekal kelapa di daerah ini apabila permintaannya di pasaran semakin merosot.

Seorang pembekal kelapa, Lokman Selamat, 49, berkata, permintaan sebelum ini sekitar 30,000 biji sebulan kini turun kepada 20,000 sahaja.

Katanya, jika sebelum ini dua atau tiga hari sekali pekerjaanya akan membawa kira-kira 1,000 biji kepada pembeli di Johor Bahru, Pasir Gudang, Gelang Patah, kini seminggu sekali baru menerima pesanan.

Menurut Lokman, anggaran 1,000 biji kelapa tersebut akan diagihkan kepada pembeli dalam kalangan peniaga kedai runcit atau pasar raya yang akan membekanya 100 biji bagi bekalan selama seminggu.

"Sebagai peraih atau pembekal kelapa yang telah beroperasi selama 17 tahun, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan disebabkan Covid-19



LOKMAN sedang mengupas buah kelapa di rumahnya di Kampung Parit Makuasang, Benut di Pontian baru-baru ini.

turut memberikan tempas kepada pengusaha seperti saya.

"Bagaimanapun perniagaan yang diwarisi daripada bapa, Selamat Wahir perlu diteruskan memandangkan banyak komitmen perlu ditanggung seperti bayaran bulanan tiga buah lori

dan gaji pekerja," katanya ketika ditemui di Kampung Parit Makuasang, Benut di sini baru-baru ini.

Tambah Lokman, dia membeli kelapa daripada pekebun kecil secara purata termasuk besar dan kecil pada harga RM1 sebiji.